

Agong seru jemaah haji Malaysia ambil semangat perpaduan di Tanah Suci



AL-SULTAN ABDULLAH dan Tunku Azizah menyantuni bakal jemaah haji di Hotel Movenpick, Sepang semalam.

SEPANG — Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyeru kepada bakal jemaah haji serta seluruh rakyat untuk mengambil pengajaran dalam perhimpunan terbesar manusia di Tanah Suci seterusnya membentuk semangat perpaduan di Malaysia.

Al-Sultan Abdullah bertitah, seluruh rakyat diseru mengambil pengajaran daripada kesatuan dan perpaduan ummah di perhimpunan terbesar manusia serta menjadikan tauladan dalam membentuk ikatan ukhwah di negara ini.

“Saban tahun, ketika musim

haji, jutaan umat Islam dari pelbagai negara akan berkumpul di Tanah Suci untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.

“Menjadi tetamu Allah dalam sebuah perhimpunan terbesar umat Islam mengajar kita untuk bersabar, bersifat toleransi dan saling menghormati sesama tetamu yang lain.

“Perbezaan warna kulit, bahasa, bangsa dan kelainan jurang pangkat serta darjah bukan lagi menjadi jurang pemisah antara umat Islam yang berhimpun di Tanah Suci,” titah Baginda ketika hadir mencemar duli pada majlis mengucapkan selamat jalanan kepada bakal jemaah haji di Hotel

Movenpick di sini semalam.

Turut berkenaan berangkat ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Mengulas lanjut, Al Sultan Abdullah bertitah, perhimpunan haji turut mengajar jemaah bekerjasama demi mencapai matlamat diidamkan selain nilai kehidupan mulia dalam membentuk kesatuan ummah.

Lebih 19,000 jemaah haji Malaysia sudah sampai di Tanah Suci sejak penerbangan pertama 21 Mei lalu. Jumlah itu tidak termasuk 355 jemaah bakal haji yang berlepas ke Tanah Suci pada penerbangan ke-66 semalam.